

Info

Kerdil

→ Individu memiliki ketinggian tidak lebih 142 sentimeter bagi lelaki dan tidak lebih 138 sentimeter bagi perempuan.

→ Ada dua kategori iaitu kerdil normal (tidak mempunyai kecacatan tetapi kurang ketinggian) dan kerdil anggota (mempunyai kecacatan pada tangan dan kepala).



[FOTO KHAIRUL AZHAR AHMAD/BH]

Jasmi (tengah) memerhatikan ahli PKOKM membuat biskut untuk sambutan Aidilfitri baru-baru ini.

Insan kerdil terokai sektor kraf, makanan

→ Manfaat bakat dimiliki ahli kelab PKOKM jana pendapatan sampingan

Ofah Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

✉ Kuala Lumpur

S aiz kecil bukan halangan wanita kerdil mengasah bakat seni kraftangan dan masakan, serta memanfaatkannya sebagai sumber ekonomi untuk menjana pendapatan keluarga. Menerusi program dibangunkan Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia (PKOKM) yang dibangunkan sejak setahun lalu, produk kraf tangan seperti bunga hiasan dan produk makanan, termasuk kek serta biskut berjaya dihasilkan, sekali gus memberikan sumber pendapatan tambahan. Presiden PKOKM, Jasmi Shafie,

berkata program itu sememangnya dirancang sepanjang tahun, bagi meraih sumber pendapatan, khususnya untuk ahli.

Jasmi berkata, program itu mendapat sambutan menggalakkan daripada ahli persatuan itu dan turut meraih kerjasama daripada agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), serta Kolej Komuniti.

"Sebagai contoh, pada Syawal lalu, beberapa ahli wanita persatuan berjaya membangunkan projek biskut raya yang dijual kepada orang ramai menerusi Projek Jaya Diri. Sambutan menggalakkan dan iltizam ahli menjayakan projek membuat biskut berkenaan menjadi pemangkin MARA menyatakan persetujuan mengemukakan bantuan," katanya kepada BH.

PKOKM ditubuhkan pada 1985, hingga kini mempunyai 989 ahli berdaftar dengan kira-kira 500 daripadanya adalah wanita.

Berkahat dan berupaya

Jasmi berkata, sungguhpun kerdil dikategorikan sebagai OKU tetapi kebanyakan daripada mereka berupaya memperoleh pendapatan menerusi pekerjaan dilakukan, se-



Kami hanya kecil daripada saiz, tetapi memiliki kebolehan dan semangat tinggi sekiranya diberikan peluang untuk menyerlah dalam bidang tertentu seperti kraftangan dan masakan"

Sapura Ramdhan,
Ketua Wanita Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil



[FOTO SHIRAZ YASMINE ALLI/BH]

Ahli PKOKM memasukkan biskut yang siap dibakar ke dalam balang.



Jasmi melakukan kerja pengurusan ketika ditemui di pejabat PKOKM di Kuala Lumpur.

perti pembantu kedai dan mengusahakan produk kraf, sekali gus menafikan tanggapan umum mengenai kekurangan diri dimiliki.

Namun, katanya, yang menjadi kerunsingan dalam kalangan kebanyakan masyarakat kerdil, khususnya yang tinggal di luar bandar ialah dari segi kenderaan persendirian.

"Kalau di bandar kemudahan pengangkutan lebih baik tetapi kalau di luar bandar, mereka agak sukar bergerak dan keluar bekerja kerana ramai dalam kalangan mereka tidak berupaya memperoleh lesen kenderaan.

"Lesen hanya boleh diambil selepas kami mengubahsuai kenderaan, yang mana kos yang agak tinggi iaitu lebih RM800. Itu belum dicampur dengan kos kenderaan. Dengan sumber pendapatan rendah dan sederhana, agak mustahil untuk kami memperoleh lesen kenderaan," katanya.

Justeru, Jasmi menyarankan supaya syarikat automotif membantu dengan menyediakan kenderaan khusus OKU yang mudah disuapadai dan dilaras mengikut kesesuaian individu OKU.

"Di negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), syarikat automotif

ada menyediakan kenderaan sedemikian, di mana OKU tidak perlu mengeluarkan belanja besar, semata-mata untuk memperoleh lesen kerana ada orang kerdil yang tidak mampu membeli kenderaan sendiri," katanya.

Cungkil kebolehan

Sementara itu, Ketua Wanita Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil, Sapura Ramdhan, berkata orang ramai terutama ibu bapa yang memiliki anak kerdil, tidak seharusnya malu, sebaliknya cungkil kebolehan dimiliki mereka membina karya dalam bidang disertai.

"Kami hanya kecil daripada saiz, tetapi memiliki kebolehan dan semangat tinggi sekiranya diberikan peluang untuk menyerlah dalam bidang tertentu seperti kraf tangan dan masakan. Dalam membantu memperoleh pendapatan, persatuan turut menyediakan kelas berkaitan hampir setiap minggu di sini," katanya.

Mengakui tidak ramai kalangan mereka memperoleh pendidikan tinggi, Sapura berkata, antara lain berpunca daripada sikap ibu bapa yang tidak memberikan dorongan selain malu memiliki anak kerdil.